KERATAN AKHBAR
05 JANUARI 2014 (ISNIN)

	M/S
BERITA HARIAN	
Bekas pembantu Khalid belum terima surat	1
UTUSAN MALAYSIA	
Surat MBI tuntut pemulangan pampasan hari ini - Azmin	2
THE STAR	
Tiada Berita	-
NEW STRAITS TIMES	
Tiada Berita	-
THE SUN	
Temple for Sikhs in Subang Jaya, USJ	3
HARIAN METRO	
Tiada Berita	-
KOSMO	
Belum putus pulangkan wang pampasan	4
SINAR HARIAN	
'Mereka bukan perompak'	5
'Mereka tidak wajar dipersalahkan' – ***2 m/s***	6-7
'Bayaran sah, sepatutnya tidak perlu dikembalikan'	8
Balai raya kini semakin uzur	9
Tiga lokasi panas denggi	10
Peniaga masih sempat buat rayuan	11
Kontraktor LRT diberi amaran	12
'Kontraktor langsung tak selenggara longkang'	13
Peluang generasi muda giat aktif – ***2 m/s***	14-15
Park n Ride atasi masalah sesak – ***2 m/s***	16-17
Bantuan suntik semagat peniaga	18

Seksyen Komunikasi Korporat, Bahagian Korporat, Tingkat 4, Bangunan SSAAS, 40000 Shah Alam.
Telefon : 03-5544 7456 / 7458 / 7459, Faks : 03-5513 5068

BERITA HARIAN

m/s: 1

TARIKH : 05 JAN 2015

Bekas pembantu Khalid belum terima surat

m/s-18

Shah Alam: Kelapan-lapan bekas pembantu Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang diminta memulangkan semula wang pampasan RM2.6 juta kepada kerajaan Selangor, belum menerima surat arahan untuk berbuat demikian.

Bekas Ketua Eksekutif Menteri Besar Diperbadankan (MBI), Faekah Husin, dalam satu jawapan melalui aplikasi WhatsApp semalam, hanya menjawab 'belum. Wasalam' kepada pertanyaan pemberita sama ada beliau sudah menerima surat daripada MBI mengenai arahan memulangkan semula wang pampasan berkenaan.

Faekah juga sebelum ini memaklumkan pemberita yang cuba mendapatkan kenyataannya mengenai isu itu, beliau akan meneliti surat arahan berkenaan, sebelum membuat sebarang kenyataan.

Semalam, *BH* melaporkan, lapan beksa pembantu Abdul Khalid, diarahkan memulangkan wang pampasan RM2.6 juta, yang diterima pada September tahun lalu.

Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, dilaporkan berkata, surat arahan mengenainya akan dihantar dalam tempoh terdekat dan sebaik menerima surat itu, mereka perlu mengembalikan semula wang berkenaan dalam tempoh 14 hari.

Surat dihantar hari ini

Sementara itu, sumber MBI mengesahkan surat arahan berkenaan akan dihantar hari ini, kepada semua lapan bekas pembantu Abdul Khalid itu. Laporan Audit Perbendaharaan Selangor menunjukkan Abdul Khalid tidak merujuk cadangan pemberian skim VSS berkenaan kepada Ahli Lembaga Pengarah MBI, sebelum membuat pembayaran terbabit.

Ia juga mendapati berlaku lebihan pembayaran kepada Faekah yang didakwa menerima RM581,400 sebagai pampasan dan RM114,000 sebagai ganti kepada notis tiga bulan. Setiausaha Akhbar, Arfa'eza Abdul Aziz menerima pampasan RM358,000 dan RM55,000 ganti kepada notis tiga bulan, manakala Setiausaha Politik kepada Abdul Khalid, Mustapa Mohd Talib pula menerima RM265,000.

Pembantu Abdul Khalid yang lain didakwa dibayar di antara RM97,000 dan RM230,000 sebagai pampasan serta antara RM18,000 dan RM69,000, sebagai ganti kepada notis tiga bulan mereka.

UTUSAN MALAYSIA

m/s: 2

TARIKH : 05 JAN 2015

Surat MBI tuntut pemulangan pampasan hari ini – Azmin m/s-9

SHAH ALAM 4 Jan. - Perbadanan Menteri Besar (MBI) mengesahkan surat tuntutan pemulangan semula pampasan kepada lapan bekas kakitangan perbadanan yang juga pembantu bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebanyak RM2.6 juta akan dihantar esok.

Pengesahan itu dibuat setelah Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengeluarkan kenyataan berhubung pihak pengurusan MBI baharu akan menghantar surat kepada kesemua lapan individu itu sebagai peringatan untuk mengembalikan wang tersebut.

"Kesemua surat tuntutan akan dihantar esok," kata wakil perbadanan itu di sini hari ini.

Semalam, Mohamed Azmin mengarahkan kesemua lapan bekas kakitangan perbadanan itu supaya memulangkan semula wang pampasan kerana mendakwa terdapat beberapa perkara yang telah melanggar tatacara dan peraturan kewangan.

Keputusan tersebut dibuat setelah mengambil kira nasihat daripada peguam dan pengembalian pampasan perlu dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat dikeluarkan.

Mohamed Azmin menegaskan, sekiranya kesemua lapan bekas pegawai itu tidak mengikuti apa yang diarahkan, tindakan akan diambil, namun MBI memberi peluang mereka yang berkenaan meneliti semula surat tersebut.

Kesemua lapan bekas pegawai itu dijamin akan dibayar mengikut peruntukan yang sah dan MBI akan meneliti kelayakan boleh dibayar kepada mereka.

Antara lapan individu yang diarah untuk memulangkan wang pampasan tersebut ialah bekas Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Faekah Hussin yang dikatakan penerima jumlah terbesar pampasan tersebut iaitu RM700,000.

Setiausaha Akhbar Abdul Khalid, Arfa'eza Abdul Aziz pula menerima pampasan RM358,000 dan RM55,000 ganti kepada notis tiga bulan manakala Setiausaha Politiknya, Mustapa Mohd. Talib menerima RM265,000.

Pembantunya yang lain didakwa dibayar antara RM97,000 dan RM230,000 masing-masing sebagai pampasan dan antara RM18,000 dan RM69,000 sebagai ganti kepada notis tiga bulan mereka.

Sebelum ini, Abdul Khalid menyatakan pemberian pampasan kepada lapan bekas pembantunya itu dibuat mengikut undang-undang dan secara telus serta profesional.

THE SUN

TARIKH : 05 JAN 2015

m/s: 3

Temple for Sikhs in Subang Jaya, USJ

BY **LEE CHOON FAI**
newsdesk@thesundaily.com

Page-06

SUBANG JAYA: Sikhs residing in Subang Jaya and USJ will soon have a temple of their own after a ground-breaking ceremony for the construction of Gurdwara Sahib Subang in SS13 yesterday.

Subang Sikh Association, Selangor (SSAS) president Amrick Singh said devotees in the two areas have been praying at a shophouse which lacked space to perform religious rites.

"We are a small community but there is a need (to have a temple); the closest Gurdwara Sahibs are the ones in Petaling Jaya and in Bandar Sunway, and the Sikhs in Subang Jaya have been praying in this shophouse for about 13 years," Amrick Singh told reporters after the ceremony.

Amrick Singh said SSAS, which has 600 registered members, was formed in 2002 specifically to look for a suitable plot of land for a Gurdwara Sahib to cater for about 2,000 Sikhs living in the area.

However, an application to use a plot of land next to the Subang Jaya Buddhist Association was rejected by the state government in 2003.

SSAS made a fresh application after the 12th general election and Amrick Singh said it was approved in 2012.

In February 2013, a 10,000sq ft plot of land was gazetted as a non-Islamic place of worship and building plans for the Gurdwara Sahib was approved by the Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) on Nov 28, 2014.

Amrick Singh said the four-storey building will include a multi-purpose carpark/open space area on the ground floor, community halls and conference rooms on the first floor, an open kitchen on the third floor, and prayer rooms on the top floor.

However, the building will cost about RM4 million and SSAS has only managed to raise RM1 million through fund-raising annual dinners, donations, and government grants.

"We will continue to seek grants from the state and federal governments but the Sikh community must chip in and help in whatever way they can in the construction of Gurdwara Sahib Subang."

He also thanked the Subang Jaya Buddhist Association for providing free water and electricity during the three-day Sri Akhand Paath ceremony to bless the building.

Subang Jaya assemblyman Hannah Yeoh said Subang Jaya had been a township for decades but no land had been allocated to accommodate the needs of the Sikh community.

Yeoh, who is also Selangor State legislative speaker said RM10,000 will be donated for the temple's construction.

Kelana Jaya MP Wong Chen also pledged RM1,000 from his limited MP allocation and said the Sikh community must try to raise the RM3 million as 2015 looks set to be a tough year.

Wong said he will be writing to Prime Minister Datuk Seri Najib Abdul Razak to request for more grants for Gurdwara Sahib Subang.

KOSMO

m/s: 4

TARIKH : 05 JAN 2015

Belum putus pulangkan wang pampasan

m/s-18

SHAH ALAM – Lapan pembantu bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim hanya akan memutuskan sama ada akur dengan arahan kerajaan negeri memulangkan wang pampasan atau sebaliknya selepas menerima notis tuntutan tersebut.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI), Faekah Husin (**gambar kecil**) mengesahkan kesemua bekas kakitangan terbabit termasuk beliau masih belum menerima notis tuntutan berkenaan daripada MBI.

"Saya akan meneliti notis terbabit sebelum mengulas atau mengambil sebarang tindakan selanjutnya," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau mengulas arahan Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali agar kelapan-lapan pembantu Abdul Khalid itu memulangkan pampasan dan ganti kepada notis tiga bulan yang diterima mereka sewaktu meninggalkan jawatan pada akhir September lalu.

Mohamed Azmin memberitahu, pengurusan baharu MBI telah memutuskan pembayaran yang dibuat dalam jumlah sangat besar itu sebagai melanggar syarat-syarat kontrak yang telah mereka persetujui sebelum ini.

Sementara itu, sumber MBI memberitahu, notis tuntutan wang pampasan tersebut akan diposkan kepada lapan pembantu Abdul Khalid tersebut pada hari ini.

Sebelum ini, Faekah dan tujuh pembantu Abdul Khalid menerima pampasan antara RM115,000 dan RM695,400 sebagai pampasan dan ganti kepada notis tiga bulan kerana mengosongkan pejabat Menteri Besar berikutan perletakan jawatan Ahli Dewan Undangan Negeri Pelabuhan Klang pada 22 September lalu.

SINAR HARIAN
TARIKH : 05 JAN 2015
m/s: 5

ISU PAMPASAN RM2.6 JUTA

Pakar perundangan sifatkan lapan bekas pegawai Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) yang terima pampasan berjumlah RM2.6 juta tidak wajar dipersalahkan kerana ia diberi mengikut prosedur dan dipersetujui MBI sendiri

'MEREKA BUKAN PEROMPAK'

"Penerima tidak salah, kecuali wujud elemen paksaan, penipuan mahupun tindakan lain yang meragukan wang gratuiti itu diterima daripada pengurusan MBI sendiri. Mereka bukan merompak atau ambil wang tanpa kebenaran." - **Pengerusi SukaGuam, Datuk Khairul Anwar Rahmat**

"Keputusan pampasan itu dibuat sebelum Azmin dilantik jadi menteri besar baru, maka ia sepatutnya tidak perlu dikembalikan kerana bayaran itu sah." - **Peguambela dan Peguamcara, Kamarudin Ahmad**

▲ Laporan muka depan Sinar Harian semalam tentang Azmin mengarahkan lapan bekas pegawai MBI kembalikan semua bayaran pampasan bernilai RM2.6 juta dalam tempoh 14 hari.

SINAR HARIAN

m/s: 6

TARIKH : 05 JAN 2015

'Mereka tidak wajar dipersalahkan'

MB perlu diplomasi sebelum ambil tindakan ke atas lapan bekas pegawai MBI kerana pampasan diberi ikut prosedur

SHAH ALAM – Pakar perundangan menyifatkan lapan bekas pegawai Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) yang menerima pampasan berjumlah RM2.6 juta tidak wajar dipersalahkan dalam isu ini kerana ia diberi mengikut prosedur dipersetujui MBI sendiri.

Justeru Pengerusi Sukarelawan Peguam Untuk Semua (SukaGuam), Datuk Khairul Anwar Rahmat berkata, Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dinasihatkan berunding secara diplomasi terlebih dahulu sebelum tindakan undang-undang diambil ke atas mereka.

Menurutnya, sebagai menteri besar, beliau berhak mengarahkan penasihat undang-undang atau peguam untuk semak tatacara dan prosedur yang melibatkan pegawai di negeri itu.

"Penerima tidak salah, kecuali wujud elemen paksaan, penipuan mahupun tindakan lain yang meragukan wang gratuiti itu diterima daripada pihak pengurusan MBI sendiri. Mereka bukan merompak atau ambil wang tanpa kebenaran.

"Bagaimanapun jika benar bayaran itu salah, ia adalah tanggungjawab pihak pentadbiran, bukan penerima," katanya.

Selesai secara berhemah

Khairul Anwar berkata, pegawai kerajaan yang ditamatkan perkhidmatan juga wajar menerima pampasan.

"Bagaimanapun timbul sedikit keraguan berhubung jumlah amaun bayaran yang terlalu besar, sebab itu disyorkan mereka berunding terlebih dahulu bagi mencari penyelesaian terbaik untuk semua," katanya.

Tambahnya, bayaran pampasan MBI itu membabitkan hal pentadbiran, jadi ia wajar diselesaikan secara berhemah.

"Kedua-dua pihak ada asas untuk selesaikan kemelut ini secara dalaman melalui kaedah diplomasi. SukaGuam menyarankan pertikaian ini dibawa ke meja rundingan terlebih dahulu manakala tindakan undang-undang ialah jalan terakhir," katanya kepada *Sinar Harian* ketika dihubungi, semalam.

Menurut Khairul Anwar, pihak Azmin dan bekas pegawai MBI mempunyai asas dan pendirian masing-masing dalam mendepani krisis pampasan RM2.6 juta ini.

"SukaGuam berpendapat, ada asasnya Azmin berbuat demikian untuk mengarahkan semakan dan notis tuntutan meminta pemulangan pampasan kerana jelas sekali berdasarkan laporan bayaran dibuat secara tergesa-gesa.

"Mungkin ada pihak yang menguruskan bayaran pampasan ini terlepas pandang. Mungkin juga ada yang tidak patuh prosedur dan ada kemungkinan juga ia dibenarkan ataupun menuntut piawaian yang sah tetapi ada satu atau dua elemen perundangan yang tidak dipatuhi.

"Namun SukaGuam juga melihat perkara ini dari kaca mata pihak sebelah lagi (bekas pegawai MBI) di mana mereka tidak patut disalahkan sepenuhnya kerana bayaran dibuat berdasarkan bona-fide malah saya percaya bayaran pampasan yang diterima melalui prosedur,"

Arah kembalikan pampasan

Lapan bekas pegawai MBI diminta pulangkan pampasan keseluruhan RM2.6 juta

JANATUL FIRDAUS YAACOB

SHAH ALAM – Menteri Besar Mohamed Azmin Ali meminta lapan bekas pegawai Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) memulangkan semula bayaran pampasan sebanyak RM2.6 juta yang diterima kerana tidak mengikut tatacara dan prosedur kewangan yang sah.

Katanya, pengurusan baharu MBI telah memaklumkan surat akan dikeluarkan kepada lapan bekas pegawai berkenaan dan pengembalian pampasan itu perlu dilakukan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat dikeluarkan.

"Saya dimaklumkan oleh pihak ... MBI bahawa surat akan ... lapan bekas pe...

Azmin turut menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Selangor, semalam.

... an Maulidur Rasul peringkat Negeri ... Selangor di sini, semalam. ... 2014 itu, ... leh dibayar kepada mereka," katanya. Sebelum ini, hasil siasatan ... Negeri mendapati

INFO

PENERIMA PAMPASAN MBI

- **Faekah Hussin**
  Jawatan Akhir: Ketua Pegawai Eksekutif MBI
  Pampasan 30%: RM585,000
  Ganti Notis 3 Bulan: RM114,000
  Jumlah Pampasan Diterima: RM699,000
- **Rohani Talib**
  Jawatan Akhir: Ketua Pegawai Operasi MBI
  Pampasan 30%: RM468,000
  Ganti Notis 3 Bulan: RM72,000
  Jumlah Pampasan Diterima: RM540,000
- **Arfa'eza Abd Aziz**
  Jawatan Akhir: Setiausaha Akhbar MB
  Pampasan 30%: RM 358,000
  Ganti Notis 3 Bulan: RM 55,000
  Jumlah Pampasan Diterima: RM 413,000
- **Mustafa Talib**
  Jawatan ...

Laporan Sinar Harian semalam tentang lapan bekas pegawai MBI diminta pulangkan pampasan keseluruhan bernilai RM2.6 juta.

> **"SukaGuam berpendapat, ada asasnya Azmin berbuat demikian untuk mengarahkan semakan dan notis tuntutan meminta pemulangan pampasan kerana jelas sekali berdasarkan laporan bayaran dibuat secara tergesa-gesa."** - Khairul Anwar

"Mereka terima wang secara sah daripada bekas menteri besar, bagaimanapun menteri besar kini dakwa bayaran itu tidak sah dan mengarahkan pampasan itu dikembalikan.
- Nik Ahmad Kamal

katanya.

Perlu lalui proses undang-undang

Sementara itu, Ketua Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood berkata, arahan Azmin meminta lapan bekas pegawai MBI itu adalah berdasarkan arahan eksekutif.

"Arahan ini adalah arahan eksekutif. Sama ada sah atau tidak perkara itu perlu diputuskan secara undang-undang.

"Mereka terima wang secara sah daripada bekas menteri besar, bagaimanapun menteri besar kini dakwa bayaran itu tidak sah dan mengarahkan pampasan itu dikembalikan.

"Jadi perkara ini perlu melalui proses undang-undang," katanya.

Menurut beliau, sama ada mereka wajib memulangkannya atau tidak, bergantung pada tafsiran situasi berkenaan.

Dalam pada itu, MBI memaklumkan surat notis tuntutan pemulangan bayaran pampasan berjumlah RM2.6 juta dihantar hari ini kepada lapan orang bekas pegawai pemerbadanan itu.

Pengurusan baharu MBI menetapkan, sejurus surat arahan bayaran balik berkenaan sampai ke tangan lapan bekas pegawai itu, mereka wajar mengembalikan pampasan yang diterima pada 22 September 2014 dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat dikeluarkan.

Kelmarin, Azmin meminta lapan bekas pegawai MBI memulangkan semula bayaran pampasan sebanyak RM2.6 juta yang diterima kerana tidak mengikut tatacara dan prosedur kewangan yang sah.

35

SINAR HARIAN

m/s: 8

TARIKH : 05 JAN 2015

'Bayaran sah, sepatutnya tidak perlu dikembalikan'

TIDAK wujud isu salah guna kuasa terhadap bekas menteri besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dalam isu pampasan Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) dan keputusan yang dibuat ketika itu adalah sah.

Peguambela dan Peguamcara, Kamarudin Ahmad berkata, keputusan jumlah pampasan kepada lapan bekas pegawai MBI itu dibuat ketika Abdul Khalid sah menjadi menteri besar dan ia telah diluluskan ahli lembaga pengarah seperti yang didakwa.

> **"Sekiranya Mohamed Azmin tetap dengan pendirian untuk menuntut balik pampasan itu bagi semakan semula beliau berkata, maka ia satu kemungkinan bahawa prosedur perlu buat melalui tuntutan sivil atas alasan yang kukuh.** - Kamarudin

"Jadi, tidak timbul isu salah guna kuasa kerana ia keputusan badan korporat MBI dan bukannya keputusan peribadi Abdul Khalid," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau berkata, keputusan pampasan itu telah dibuat sebelum Mohamed Azmin Ali dilantik menteri besar yang baharu.

"Maka ia sepatutnya tidak perlu dikembalikan kerana bayaran itu sah.

"Sekiranya Mohamed Azmin tetap dengan pendirian untuk menuntut balik pampasan itu bagi semakan semula beliau berkata, maka ia satu kemungkinan bahawa prosedur perlu buat melalui tuntutan sivil atas alasan yang kukuh.

"Bayaran itu sudah pun diluluskan dan soal menteri besar yang baru tidak berpuas hati, itu soal lain," katanya. 35

SINAR HARIAN

m/s: 9

TARIKH : 05 JAN 2015

Balai raya kini semakin uzur

Tiga tahun dibiarkan tanpa penyelenggaraan, penduduk terpaksa baiki sendiri jika mahu menggunakannya

NUR FARHANA ABDUL MANAN

PUCHONG – Pintu berlubang, tingkap 'melopong' manakala tandas pula sudah boleh digambarkan seperti hutan dipenuhi tumbuhan.

Itu gambaran Balai Raya Kampung Pasir Baru dekat sini apabila ia tidak diselenggara dengan baik oleh pihak berkenaan sejak lebih tiga tahun lalu.

Penduduk, Shamsudin Yusof, 32, berkata, balai raya terletak di Jalan Mawar itu dibina Pejabat Daerah Petaling kira-kira 20 tahun lalu.

Ia sebelum ini digunakan penduduk untuk program masyarakat selain dijadikan tempat pemindahan ketika bencana.

Bagaimanapun, keadaannya semakin uzur dan ruang dalam dewan akan ditakungi air apabila hujan lebat.

"Balai raya ni dah rosak sejak tiga tahun lalu. Dah dua kali saya mohon untuk dibaik pulih tapi tiada apa-apa tindakan.

"Maklum balas juga belum diterima meski sudah dua tahun aduan dibuat," katanya.

Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Idris Intas Ali berkata, ada penduduk terpaksa baiki sendiri balai raya itu apabila terdesak menggunakannya.

"Sekarang dah tiada orang guna kerana uzur sangat keadaannya. Cuma budak-budak yang nak main badminton di gelanggang bersebelahan akan sambung elektrik dari balai raya ini.

"Jadi saya minta selain balai raya ini dibaiki, pihak berkenaan juga perlu naik taraf padang permainan dan gelanggang badminton dengan memasang lampu supaya kanak-kanak tak lagi sambung elektrik dari balai raya," katanya.

Shamsudin (kanan) menunjukkan keadaan pintu balai raya di Kampung Pasir yang sudah terkopak.

Keadaan balai raya yang rosak dan ditakungi air.

SINAR HARIAN

m/s: 10

TARIKH : 05 JAN 2015

Tiga lokasi panas denggi

SUBANG JAYA – Jalan Wawasan 2, Pusat Bandar Puchong; Lorong Bistari, Kampung Seri Aman dan USJ 2/5 Subang Jaya dilabel sebagai lokasi panas peningkatan wabak denggi di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Timbalan Yang DiPertua MPSJ, Abdullah Marjunid berkata, sebanyak 7,780 kes dilapor sehingga 13 Disember lalu dan 7,424 daripadanya disahkan positif.

Berdasarkan rekod, 22 kawasan masih dilabel sebagai lokasi panas peningkatan wabak denggi termasuk yang tertinggi 36 kes di Pusat Bandar Puchong.

Abdullah berkata, ia diikuti 29 kes di Kampung Seri Aman dan 28 kes di USJ 2/5, Subang Jaya.

Manakala Taman Lestari Putra 3 mencatat 25 kes, USJ 14/1 (22 kes); Jalan Mawar Taman Puchong Perdana (21 kes); Pangsapuri Enggang dan Bandar Kinrara 4 masing-masing 20 kes.

Pangsapuri Lagoon Perdana PJS 9 pula merekod 17 kes, Taman Serdang Perdana (15 kes); Taman Pinggiran Putra 16 dan Taman Puncak Jalil 4 A masing-masing 13 kes.

Kawasan lain yang turut dilabel panas termasuk PJS7; Taman Puncak Jalil 2;USJ 11/4; SS16; Taman Lestari Putra 6; Persiaran Indera Pusat Bandar Puchong; Bandar Kinrara 2, Pangsapuri Angsana USJ 1, USJ 8/2 dan USJ 8/15.

"Pihak majlis menggesa penduduk untuk memastikan premis masing-masing bebas dari tempat pembiakan aedes bagi memerangi wabak ini.

"Luangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes," katanya. 36

SINAR HARIAN

m/s: 11

TARIKH : 05 JAN 2015

Peniaga masih sempat buat rayuan

SELAYANG - Peniaga yang masih ingin membuat aduan dan rayuan berkenaan penyelarasan kadar fi lesen masih boleh berbuat demikian sehingga 31 Januari ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Mohd Azizi Mohd Zain berkata, sehingga 30 Disember lalu sebanyak 72 rayuan telah diterima daripada peniaga.

Menurutnya, sebanyak 31 daripada jumlah tersebut sudah diproses sementara bakinya masih dalam pertimbangan.

"Sebelum rayuan dibuat peniaga, diwajibkan menjelaskan bil masing-masing terlebih dahulu dan sehingga 30 Disember lalu, sebanyak 80 peratus keseluruhan pemegang akaun telah berbuat demikian.

"Berbanding tahun lepas peratusan pembayaran bagi suku masa sama menunjukkan peningkatan sebanyak 16 peratus dengan kutipan semasa yang diperoleh RM10.5 juta," katanya kepada *Sinar Harian*. 36

SINAR HARIAN

m/s: 12

TARIKH : 05 JAN 2015

Kontraktor LRT diberi amaran

Utamakan keselamatan atau terima notis berhenti kerja

PUCHONG – Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo memberi amaran keras kepada kontraktor pembinaan stesen dan landasan transit aliran ringan (LRT) supaya mengutamakan kepentingan orang ramai ketika melaksanakan kerja-kerja pembinaan itu.

Beliau berkata, pihaknya tidak teragak-agak mengarahkan majlis perbandaran untuk mengeluarkan notis arahan berhenti kerja sekiranya kontraktor gagal memastikan laluan jalan raya di tapak selamat dilalui pengguna.

Mengulas perkara itu, Gobind berkata, beliau menerima banyak aduan daripada pengguna jalan raya berhampiran tapak pembinaan LRT yang mengeluh apabila terdapat ratusan lubang di permukaan jalan sehingga mengundang risiko keselamatan kepada pengguna khususnya penunggang motosikal.

Beliau berkata, arahan berhenti kerja sudah dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada kontraktor pembinaan landasan berdekatan Bukit Jalil pada 24 Disember lalu kerana didapati membiarkan jalan raya dalam keadaan rosak hingga memudaratkan pengguna.

Kontraktor pembinaan LRT diberi amaran keras supaya mengutamakan keselamatan orang ramai khususnya membabitkan keadaan jalan berhampiran tapak projek.

"Notis itu berkuat kuasa hingga kontraktor membaik pulih laluan jalan raya pada tahap yang memuaskan.

"Memang kita tegas dalam hal ini, perbincangan dibuat dengan kontraktor sudah beberapa kali tetapi mereka tidak serius," katanya.

Bagi laluan Puchong Perdana yang berdepan situasi sama, Gobind berkata, beliau sudah memberi jangka masa kepada kontraktor untuk menurap jalan yang rosak.

Dalam pertemuan dengan pihak berkaitan baru-baru ini, empat perkara dibincangkan dan dipersetujui pihak kontraktor.

"Mereka perlu lakukan kerja turapan jalan, bukan sekadar menampal lubang yang tidak boleh bertahan dalam jangka masa panjang.

"Kontraktor juga perlu mengurus sistem perparitan kerana bila hujan air didapati bertakung dalam kawasan pembinaan dan mengalir keluar membawa lumpur ke jalan raya," katanya.

Mengenai aduan lampu jalan rosak dan terjejas disebabkan kerja pembinaan pula menurutnya, kontraktor perlu membaikinya dengan segera selain sistem trafik harus dikawal selia dengan baik. 37

SINAR HARIAN

m/s: 13

TARIKH : 05 JAN 2015

'Kontraktor langsung tak selenggara longkang'

RAWANG - Penduduk mendakwa sudah tujuh bulan tiada kerja penyelenggaraan dibuat pada longkang di Jalan Kampung Setia-Rawang sepanjang kira-kira 100 meter sejak April lalu.

Seorang penduduk, Rosli Atan, 48, berkata, kawasan rumah ibu mertuanya yang terletak bersebelahan laluan utama itu terkena tempias akibat longkang tersumbat.

Menurutnya, perangkap sampah tidak dibersihkan dan tidak dikorek antara punca longkang tersebut sentiasa dipenuhi air.

"Longkang dah tersumbat ditambah pula ada peniaga yang terus buang sisa makanan dalam saliran sampai menyebabkan bau busuk.

"Aduan sebelum ini telah dibuat, tapi tak tahu kenapa tiada tindakan. Saya tak nampak kontraktor buat kerja," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, kegagalan sistem saliran berfungsi juga menyebabkan rumah mentuanya terjejas setiap kali hujan.

"Air tak dapat masuk ke longkang dan melimpah ke rumah mentua bersama sisa sampah dalam longkang dan juga longgokan sampah yang diletakkan oleh penduduk.

Rumput panjang menutup sistem saliran.

"Saya harap tindakan segera dapat diambil termasuk mengenal pasti kontraktor kawasan tersebut yang tak jalankan kerja," katanya.

Sementara itu Penyelaras Dun Kuang, Salasiah Disa berkata, perkara tersebut telah dibawa dalam mesyuarat tindakan daerah untuk perhatian Jabatan Kerja Raya Gombak.

"Peringatan semula akan dibuat untuk mempercepatkan tindakan.

SALASIAH

"Selain itu Majlis Perbandaran Selayang (MPS) juga turut diminta mengambil tindakan ke atas peniaga yang didakwa membuang sisa terus ke dalam longkang kerana menjejaskan kebersihan dan kesihatan penduduk sekitarnya," katanya. 38

SINAR HARIAN

m/s: 14

TARIKH : 05 JAN 2015

Peluang generasi muda giat aktif

Morib Fun Run terima lebih 1,500 penyertaan, MDKL komited sokong program sukan

KUALA LANGAT - Persatuan sukan di Kuala Langat digesa menggunakan pendekatan terkini supaya atlet mereka berjaya meraih kejayaan di peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, MDKL sentiasa komited menyokong dan memberi sokongan kepada program sukan yang membantu melahirkan masyarakat yang cergas dan sihat seperti penganjuran Morib Fun Run di Pantai Morib yang masuk musim ke lima.

Menurutnya, dengan adanya program larian seperti ini sebenarnya dapat memberi peluang dan ruang kepada lebih ramai generasi muda terutama sekali yang baru untuk bergiat cergas di dalam sukan larian.

Antara peserta yang terlibat dengan aktiviti Fun Run bergambar bersama tetamu khas di Pantai Morib.

"Kami mengharapkan kejayaan demi kejayaan dapat dicapai melalui usaha sama semua agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam memastikan mutu sukan di negeri ini seiring dengan negara luar yang mempunyai jaguhan ternama dunia," katanya.

Mengulas mengenai penganjuran program itu beliau berkata, lebih dari 1,500 penyertaan diterima sejak kejohanan itu bermula dari 2010 sehingga kini.

"Morib Fun Run ini berjaya menarik penyertaan da-

05 JAN 2015

ripada masyarakat setempat dan luar daerah.

"Tujuh kategori dipertandingkan iaitu kategori lelaki junior, lelaki terbuka, lelaki junior veteran, lelaki senior veteran, wanita junior, wanita terbuka dan juga wanita veteran," katanya.

Dalam kejohanan tersebut menyaksikan, K Murali Nathan berjaya mendapat tempat pertama bagi kategori lelaki terbuka, manakala tempat kedua, S Dilip dan tempat ketiga dimenangi N Yagnish.

Bagi kategori wanita terbuka pula, tempat pertama dimenangi Siti Aisah Mohamad Shafie, tempat kedua dimenangi Wee Sin Yee dan tempat ketiga Lim Mee Lan.

SINAR HARIAN

m/s: 16

TARIKH : 05 JAN 2015

Park n Ride atasi masalah sesak

Inisiatif MBPJ galak masyarakat guna pengangkutan awam, tapak disediakan di lima stesen LRT

ASYRAF MUHAMMAD

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengambil inisiatif menyediakan kemudahan Park n Ride bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam sekali gus mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Datuk bandar MBPJ, Datin Paduka Alinah Ahmad berkata, pembinaan kemudahan tersebut yang terletak bersebelahan dengan stesen perkhidmatan transit aliran ringan (LRT) Asia Jaya tersebut merupakan antara program yang digariskan dalam Perancangan Strategik 2030.

"Ia merupakan projek pertama dari empat perancangan tapak yang telah dikenal pasti oleh pihak majlis sebelum ini dan kos bagi pelaksanaan kemudahan Park n Ride ini menelan belanja sebanyak RM3,068,132 juta," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran kemudahan Park n Ride di berhampiran Stesen LRT Asia Jaya, baru-baru ini.

Kemudahan Park n Ride di Stesen LRT Asia Jaya kini beroperasi bagi membantu menyelesaikan masalah kekurangan parkir.

Menurutnya, sebanyak lima tapak Park n Ride telah disediakan iaitu di Stesen LRT Paramount, Stesen LRT Taman Bahagia, Stesen LRT Kelana Jaya, Stesen LRT Taman Jaya dan Stesen LRT Asia Jaya.

05 JAN 2015

Alinah membuat gimik pelancaran kemudahan Park n Ride berhampiran Stesen LRT Asia Jaya.

"MBPJ menyediakan tempat letak kereta dalam lingkungan jarak 400 meter di setiap lima stesen terlibat dengan keluasan tapak cadangan tempat letak kereta dengan jumlah 2,467 petak parkir keseluruhan," katanya.

Selain itu, sebanyak 13 petak parkir buat golongan OKU, laluan pejalan kaki berbumbung, laluan OKU, wakaf rehat dan landskap turut dilaksanakan di tapak berkenaan bagi menarik lebih ramai masyarakat awam menggunakan kemudahan sedia ada.

"MBPJ juga menyediakan perkhidmatan bas percuma, bas komuniti, sistem jalan sehala di Pusat Bandar Seksyen 52 dan pembinaan laluan basikal Damansara Daman dan Kota Damansara," katanya.

SINAR HARIAN

m/s: 18

TARIKH : 05 JAN 2015

Bantuan suntik semangat peniaga

SABAK BERNAM – Seorang peniaga kedai makan menerima bantuan lapan meja dan kerusi serta tempat meletakkan laut daripada kerajaan negeri bernilai RM4,000 yang disampaikan Adun Sekinchan, Ng Suee Lim dan wakil Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam.

Suhaimi Ahmad, 52, yang menjalankan perniagaan kedai makan di Parit 8 Sekinchan berkata, dia berterima kasih dengan bantuan itu memandangkan selama ini dia hanya menggunakan meja dan kerusi kayu.

Menurutnya, bantuan itu secara tidak langsung akan memberi semangat kepadanya untuk memajukan perniagaannya.

"Saya berterima kasih atas keprihatinan kerajaan negeri atas sumbangan ini dan saya akan berusaha untuk menarik lebih ramai lagi pelanggan untuk singgah di sini.

"Dengan adanya meja dan kerusi baru ini, kedai makan ini nampak lebih kemas dan bersih berbanding sebelumnya dan ia sebenarnya memberi galakan kepada saya untuk terus berusaha," katanya kepada *Sinar Harian*. 40

Suee Lim menyampaikan sumbangan tempat meletak lauk aluminium kepada Suhaimi pada Majlis Penyerahan Bantuan Perniagaan Blueprint di Parit 8 Sekinchan.